

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (4)

7 Januari 2025

7 Rejab 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2025

PENDAFTARAN MYDIGITAL ID BAGI STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MyDigital ID merupakan inisiatif yang dicetus daripada aspirasi YAB Perdana Menteri untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat menjalankan transaksi digital dengan lebih selamat, dipercayai dan seterusnya dapat menjana pembangunan aktiviti ekonomi digital negara.

2. Sehingga 11 Disember 2024, peratusan pendaftaran dan penggunaan MyDigital ID dalam kalangan warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) masih berada di tahap kurang memuaskan. UTM juga turut berada pada tahap pencapaian kurang memuaskan iaitu 5.42% sahaja. KPT telah menetapkan sasaran 100% pendaftaran dan penggunaan MyDigital ID dalam kalangan semua warga KPT termasuk warga UTM.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf UTM adalah **diwajibkan** untuk membuat pendaftaran MyDigital ID bagi tujuan capaian sistem MyHRMIS Mobile. Langkah-langkah yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) Layari laman sesawang MyDigital ID di pautan <https://www.digital-id.my/#daftar> dan ikuti langkah-langkah untuk melengkapkan pendaftaran MyDigital ID;
- (ii) Muat turun MyHRMIS Mobile melalui Google Playstore atau App Store. Log masuk ke MyHRMIS Mobile menggunakan MyDigital ID yang telah didaftarkan; dan
- (iii) Muat naik tangkapan skrin/screenshot sijil MyDigital ID melalui pautan Google Form di <https://forms.gle/MwUzwemnzBNi3nBt7>.

4. Panduan pendaftaran MyDigital ID Mobile adalah seperti di Lampiran. Sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran MyDigital ID boleh dirujuk pada senarai "Soalan-Soalan Lazim" di laman sesawang MyDigital ID atau e-mel ke Digital Care UTM di alamat e-mel, digitalcare@utm.my atau di talian 07-533 2136 (UTMJJB) / 03-4819 9990 (UTMKL) (menggunakan aplikasi VOIP). Maklumat lanjut mengenai HRMIS juga boleh dirujuk di laman sesawang HRMIS UTM, <https://registrar.utm.my/ppdu/hrmis/>.

5. Pendaftaran MyDigital ID dan log masuk ke MyHRMIS Mobile hendaklah dibuat **sebelum 20 Januari 2025**. Semua staf diminta mengambil perhatian dan tindakan segera mengenai perkara ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)

Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

LANGKAH-LANGKAH MENDAFTAR MyDigital ID MELALUI TELEFON PINTAR (Untuk Penjawat Awam Sahaja)


01

Muat turun
aplikasi
MyDigital ID



02

Tekan butang
'Menu' dan
pilih 'Penjawat
Awam'




03

Masukkan
e-mel
anda



04

Anda akan
menerima
6-digit OTP
melalui e-mel
yang telah
didaftarkan



05

Isi Maklumat
Diri – nama
penuh dan
nombor I/C



06

Ambil gambar
I/C bahagian
hadapan
dan belakang.
Seterusnya ambil
gambar wajah



07

Isi Kata Laluan
(Minimum
8 aksara)



08

Setelah
pengesahan
berjaya, anda
akan menerima
Sijil Digital yang
disimpan di
aplikasi
MyDigital ID



09

MyDigital ID
anda sedia
untuk
digunakan



LOG MASUK MYHRMIS MOBILE MENGUNAKAN MYDIGITAL ID Pengguna Kali Pertama

